

3755/1
Perdagangan
Oktober
2008
1 1/4 jam



JABATAN PELAJARAN KUALA TERENGGANU

**PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN
TINGKATAN 4 TAHUN 2008**

PERDAGANGAN

KERTAS 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan objektif.*
2. *Jawab semua soalan .
Jawab dengan menghitamkan ruangan yang betul pada kertas jawapan.
Hitamkan satu ruangan sahaja bagi setiap soalan.
Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat.
Kemudian hitamkan jawapan yang baru.
Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.*

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak

3755/1

[Lihat sebelah
SULIT

Arahan: Kertas ini mengandungi 40 soalan. Jawab **semua** soalan.

1. Antara pernyataan berikut, yang manakah **benar** tentang keperluan manusia?
 - A. Keperluan asas manusia berubah berdasarkan pendapatan, umur dan citarasa seseorang.
 - B. Keperluan manusia terlalu banyak dan tidak terbatas.
 - C. Keperluan manusia perlu dipenuhi supaya hidup lebih seronok.
 - D. Keperluan manusia perlu dipenuhi sebagai asas untuk hidup.
2. Antara berikut, yang manakah **bukan** perbezaan antara keperluan dengan kehendak?

	Keperluan	Kehendak
I	Terhad	Tidak terhad
II	Sukar dipuaskan	Mudah dipuaskan
III	Untuk keselesaan	Bukan untuk keselesaan
IV	Tiada pilihan	Banyak pilihan

- A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. III dan IV
 - D. I dan IV
3. Menurut Abraham Maslow, manusia memerlukan agama, seni dan muzik untuk mencapai kepuasan dan kesempurnaan jiwa. Keperluan ini disebut keperluan
 - A. fisiologi
 - B. sosial
 - C. rohani
 - D. keselamatan

Pak Wan seorang nelayan dan menjalankan perusahaan membuat keropok. Beliau memasarkan sendiri keropoknya disamping menjual melalui peniaga lain.

4. Pak Wan terlibat dalam pengeluaran
 - A. ekstraktif dan perkilangan.
 - B. ekstraktif dan perdagangan
 - C. ekstraktif, perkilangan dan perdagangan
 - D. ekstraktif, perkilangan, perdagangan dan khidmat terus.

5. Pak Kob seorang nelayan di Kuala Abang, Dungun. Pada musim tengkujuh, beliau bekerja di kilang papan di Pulau Serai, Dungun. Apakah jenis pengkhususan yang terlibat?
- Pengkhususan mengikut kawasan dan proses.
 - Pengkhususan mengikut proses dan pekerjaan.
 - Pengkhususan mengikut kawasan dan antarabangsa
 - Pengkhususan mengikut pekerjaan dan kawasan
6. Bagaimanakah sistem Barter bermula?
- Pengenalan penggunaan mata wang
 - Peningkatan perniagaan antarabangsa
 - Peningkatan dalam kos pengeluaran
 - Pengamalan sistem pengkhususan.
7. Pak Ali seorang penternak lembu. Beliau ingin menukarkan seekor lembunya dengan seekor kerbau milik Pak Tam. Namun, Pak Tam enggan berbuat demikian. Apakah masalah yang mereka hadapi?
- Kemahuan serentak
 - Kesulitan menetapkan kadar pertukaran
 - Kesulitan membahagikan barang
 - Kesulitan menyimpan nilai
8. Perdagangan dikaitkan dengan pengeluaran kerana....
- membantu meningkatkan keuntungan peniaga
 - proses penciptaan nilai faedah
 - mewujudkan lebihan barang
 - proses pengkhususan
9. Manakah antara berikut faktor pengeluaran yang bertanggungjawab mengelolakan pengeluaran dan menanggung risiko perniagaan?
- Tanah
 - Modal
 - Buruh
 - Usahawan
10. Antara pernyataan berikut, yang manakah menjelaskan proses pengeluaran langsung?
- Aktiviti untuk menghasilkan barang
 - Aktiviti menambah nilai faedah sesuatu keluaran
 - Aktiviti menghasilkan keluaran untuk keperluan sendiri
 - Aktiviti menghasilkan keluaran untuk jualan langsung.

11. Apakah faktor yang membezakan antara usahawan dengan peniaga?
- A. Menjalankan aktiviti jual beli
 - B. Mementingkan keuntungan
 - C. Berusaha untuk maju dalam perniagaan
 - D. Melakukan pembaharuan kepada sesuatu produk
12. Seorang usahawan telah menambahkan fungsi muzik pada sekeping kad hari raya sebagai daya tarikan untuk menarik lebih ramai pembeli. Apakah sifat yang ditunjukkan oleh usahawan yang membuat pengubahsuaian tersebut?
- A. Reka cipta
 - B. Inventif
 - C. Inisiatif
 - D. Inovatif
13. Manakah antara berikut berkaitan dengan seorang peniaga?
- A. Mengutamakan keuntungan
 - B. Mengusahakan sesuatu yang baru
 - C. Merancang sesuatu yang lebih baik
 - D. Menjadikan kekangan sebagai cabaran
14. Pernyataan berikut, manakah yang terlibat dalam urusan perniagaan.
- I. Mengeksport barang separuh siap ke luar negara
 - II. Menerima pembayaran dengan cek
 - III. Menyimpan bahan mentah untuk kegunaan kilang
 - IV. Barang eksport dihantar dengan pengangkutan laut
- A. I dan II
 - B. I dan III
 - C. II dan IV
 - D. III dan IV
15. Antara aktiviti-aktiviti berikut, yang manakah merupakan aktiviti bantuan perniagaan?
- A. Berkhidmat sebagai guru di sekolah kerajaan
 - B. Warung teh di tepi jalan
 - C. Menjadi pengeksport perabot utama di Asia Tenggara
 - D. Menghantar surat khabar dari rumah ke rumah dengan menggunakan motorsikal

16. Apakah kaitan antara pengeluaran, perdagangan dan perniagaan?
- A. Ketiga-tiga proses saling bergantung untuk memenuhi keperluan dan kehendak manusia.
 - B. Perdagangan merangkumi pengeluaran dan perniagaan dalam pasaran
 - C. Pengeluaran membantu perdagangan dan perniagaan dalam pengagihan barang
 - D. Perniagaan mesti wujud untuk melakukan aktiviti pengeluaran dan perdagangan
17. Manakah antara berikut **definisi** perniagaan dalam negeri?
- A. urusan jual beli antara pengilang dengan pengguna yang dijalankan antara negara
 - B. aktiviti membeli dan menjual perkhidmatan yang dijalankan antara penduduk sesebuah negara
 - C. aktiviti membeli dan menjual barang yang dijalankan antara penduduk sesebuah negara
 - D. aktiviti membeli dan menjual barang dan perkhidmatan yang dijalankan antara penduduk di sesebuah negara
18. Saluran agihan yang paling sesuai untuk pemasaran keluaran pertanian ialah
- A. pengeluar -> pengguna
 - B. pengeluar -> peruncit -> pengguna
 - C. pengeluar -> pemborong -> peruncit -> pengguna
 - D. pengeluar -> ejen -> pemborong -> peruncit -> pengguna
19. Antara berikut, barangan yang disalurkan terus kepada pengguna daripada pengeluar ialah
- I. perkhidmatan doktor
 - II. baju tempahan khas
 - III. motosikal
 - IV. perkhidmatan perbankan
- A. I dan IV
 - B. II dan IV
 - C. I, II dan III
 - D. I, II dan IV

20. Faktor utama yang perlu dipertimbangkan oleh pengeluar semasa memilih saluran agihan?
- A. Jenis barang
 - B. Harga barang
 - C. Kualiti barang
 - D. Kegunaan barang
21. E – dagang ditakrifkan sebagai
- A. peniaga menghantar e-mail kepada pengguna
 - B. peniaga menghubungi pembeli menerusi televisyen interaktif.
 - C. Perniagaan dijalankan melalui pendedaran risalah di kawasan-kawasan perumahan
 - D. Perniagaan yang dijalankan melalui rangkaian komputer yang disambungkan dengan internet daripada peringkat pertanyaan sehingga pesanan dapat dilakukan.
22. Pasar raya, gedung aneka jabatan dan kedai sejaras mempunyai ciri-ciri yang sama. Apakah ciri-ciri itu?
- I. Menjual secara tunai
 - II. Perkhidmatan layan diri
 - III. Ditubuhkan sebagai milikan tunggal
 - IV. Menyediakan kemudahan seperti hawa dingin dan lif kepada pelanggan
- A. I, II dan III
 - B. I, II dan IV
 - C. II, III dan IV
 - D. I, II, III dan IV
23. Antara berikut, yang manakah merupakan fungsi pemborong?
- I. Memecah pukal
 - II. Membiayai pengilang
 - III. Membantu pengilang meningkatkan mutu barang
 - IV. Mengagihkan barang siap kepada pengguna akhir
- A. I, II dan III
 - B. I, II dan IV
 - C. I, III dan IV
 - D. II, III dan IV

24. Pemborong memerlukan modal yang besar kerana
- I. menikmati margin keuntungan kecil
 - II. menyediakan kemudahan pergudangan
 - III. membiayai pengeluar dan peruncit
 - IV. menjalankan kempen promosi
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV
25. Apakah sebut harga?
- A satu senarai yang menunjukkan harga semua jenis barang yang dijual oleh pembekal
 - B satu senarai yang menunjukkan harga barang yang dikehendaki oleh pembeli
 - C satu dokumen bercetak yang memberi maklumat lanjut tentang barang yang dijual oleh pembekal
 - D satu buku khas untuk kegunaan para peniaga
26. Antara berikut, yang manakah **benar** tentang singkatan K & K di K?
- I melindungi penjual daripada kesilapan pengiraan, perkeranian dan ketinggalan dalam invois
 - II bermaksud kesilapan dan ketinggalan dikecualikan
 - III memberitahu pembeli bahawa penjual boleh membuat pembetulan jika terdapat kesilapan dan ketinggalan
 - IV memberitahu pembeli bahawa sebarang kesilapan dan ketinggalan dalam invois akan ditanggung oleh penjual
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

- 27 Berikut adalah situasi perniagaan antarabangsa

Malaysia mengeksport minyak kelapa sawit ke Australia.
Australia pula mengeksport hasil tenusunya ke Malaysia

Situasi tersebut wujud kerana terdapat perbezaan

- A sumber semula jadi
B pendapatan
C teknologi
D cita rasa
- 28 Berikut adalah slogan kempen yang dijalankan oleh kerajaan Malaysia

BELILAH BARANGAN BUATAN MALAYSIA

Apakah tujuan kempen tersebut?

- A Menambahkan import
B Mengurangkan import
C Menambahkan eksport
D Mengurangkan eksport
- 29 Apakah tatacara yang perlu dipatuhi oleh pengeksport setelah menerima inden?
- I Memuatkan barang ke dalam kapal
II Meyediakan dokumen berkenaan
III Menuntut bayaran daripada pengimport
IV Menempah ruang dalam kapal
- A II, I, IV dan III
B IV, III, I dan II
C IV, II, I dan III
D III, IV, II dan I

30 Antara yang berikut, manakah halangan oleh pengeksport dalam perniagaan antarabangsa ?

- I Duti eksport
- II Subsidi eksport
- III Embargo
- IV Kuota

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

31 Pernyataan yang manakah berkaitan dengan Industri Kecil dan Sederhana (IKS)?

- I Sebahagian besar mempunyai hubung jalin dengan industri berat
- II Mempunyai pekerja sepenuh masa tidak melebihi 150 orang
- III Disenaraikan di Bursa Malaysia (dahulunya BSKL)
- IV Menghasilkan barang plastik dan kraf tangan

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

32 Mengapakah kerajaan menggalakkan pertumbuhan Industri Kecil dan Sederhana (IKS)?

- A Mempelbagaikan ekoomi Negara
- B Mempercepatkan pertumbuhan sektor pertanian
- C Membantu agensi kerajaan mendapat keuntungan
- D Menambah pengeluaran bahan mentah untuk industri perkilangan

*Semi konduktor
 *Cip elektronik
 *Suis
 *Wayar

- 33 Produk-produk IKS di atas mempunyai perkaitan dengan industri
- A Komponen elektrik dan eletronik
 B Komponen aeroangkasa
 C Berat
 D Automatif
- 34 Sektor IKS ialah punca utama pembekalan bahan mentah kepada industri berat. Ini menolong industri berat dalam mencapai ekonomi bidangan dengan faedah yang berikut iaitu :
- I Kos bahan yang relatif murah
 II Daya pengeluaran yang meningkat
 III Saiz pasaran yang meluas
 IV Menggalakkan amalan pengkhususan
- A I Sahaja
 B I dan II
 C II dan IV
 D III dan IV
- 35 Antara berikut, yang manakah kelebihan pemasaran bersepadu kepada IKS?
- I Memperoleh pasaran yang terjamin
 II Mempunyai lebih masa untuk melayan pelanggan
 III Mendapat bayaran segera
 IV Memerlukan aliran modal yang kecil dalam pengeluaran
- A I dan II
 B I dan III
 C II dan IV
 D III dan IV

- 36 Diusahakan seperti unit perniagaan biasa. Barang-barang dan perkhidmatan disediakan pada harga yang berpatutan. Ditubuhkan oleh sekumpulan individu yang mempunyai kepentingan yang sama. Perkara diatas merujuk kepada
- A Perbadanan Awam
 - B Syarikat Awam Berhad
 - C Syarikat Sendirian Berhad
 - D Koperasi
- 37 Peniaga perlu bijak mengurus stok supaya
- A Stok bergerak cepat tidak melebihi stok bergerak perlahan
 - B Barang habis dijual dengan cepat
 - C Modal tidak terikat dalam bentuk stok
 - D Mendapat diskaun perniagaan daripada pembekal
- 38 Bagaimanakah syer keutamaan berbeza dengan syer biasa?
- A Dividen syer keutamaan dibayar dahulu
 - B Dividen syer keutamaan biasanya lebih tinggi
 - C Pemegang syer keutamaan mempunyai banyak kuasa
 - D Syer keutamaan mesti diterbitkan oleh setiap syarikat berhad
- 39 Apakah sumbangan bursa saham dalam dunia perniagaan ?
- A Sebagai sumber kewangan syarikat berhad
 - B Membuka peluang kepada bank untuk mencipta kredit
 - C Memudahkan urusan jual beli syer dengan cepat
 - D Mengawal kemungkinan risiko kerugian
- 40 Antara berikut , yang manakah merupakan hak pengguna?
- I Mendapat perlindungan dan keselamatan
 - II Mendapat maklumat
 - III Mendapat barang yang berkualiti
 - IV Mendapat pendidikan kepenggunaan
- A I , II dan III
 - B I,II dan IV
 - C I,III dan IV
 - D II,III dan IV

KERTAS SOALAN TAMAT